

PELITA



BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 25 RABU 22 JUN, 1966. رابو 3 ربيع الاول 1386 PERCHUMA

Y.B. SETIA USAHA KERAJAAN MERASMIKAN PEMBUKAAN BALAI RAYA SUNGAI TERABAN


KAMPONG SUNGAI TERABAN. — Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah merasmikan pembukaan Balai Raya Sungai Teraban, Kuala Belait pada pagi hari Khamis 16 Jun, 1966.

Dalam ucapan beliau di-upachara itu, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof antara lain, telah menyatakan bahawa ada-lah menjadi chita² Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan supaya seluruh lapisan ra'ayat negeri ini sentiasa hidup rukun dan damai dan menyelesaikan sesuatu perkara yang rumit dengan melalui perundingan.

Maka itu, tegas beliau, Balai² Raya telah di-dirikan oleh Kerajaan yang sa-mata² bertujuan untuk memberi kemudahan kepada penduduk² kampung bagi mengadakan perjumpaan² kebajikan.

Di-samping itu, Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof telah juga menyeru ra'ayat yang chintakan negeri ini supaya menamakan semangat bahawa "Brunei ada-lah negeri kita dan tiada tempat lain untuk kita beredar sa-lain dari bumi Brunei."

Beliau perchaya bahawa jika semangat itu di-abadikan (Lihat Muka 5)



Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim kelihatan dalam gambar ini pada masa beliau sedang merasmikan pembukaan Balai Raya Sungai Teraban pada hari Khamis 16 Jun.



Gambar ini di-ambil di-Pameran Lukisan dan Pekerjaan Tangan, Darjah² Rendah Sekolah² Melayu, Bahagian Tutong Satu di-Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong pada hari Ahad yang lalu. Dari kanan ka-kiri: Pemangku Ketua Nadzir Sekolah² Melayu Negeri Brunei, Awang Mohamed Daud bin Serudin; Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman; Pengiran Siti Zubaidah ia-itu isteri Pengiran Othman dan lain²-nya

PEMBUKAAN RASMI KELAS DEWASA DAN URUSAN RUMAH TANGGA

KAMPONG SUNGAI KEDAYAN. — Penulong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking telah merasmikan pembukaan Kelas² Dewasa dan Urusan Rumah Tangga anjoran Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan di-Ibu Pejabat kesatuan tersebut pada petang hari Ahad 19 Jun, 1966.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan berkata bahawa di-samping merasmikan pembukaan kelas² tersebut, beliau berasa sukachita menguchapkan SELAMAT BELAJAR kepada penuntut² kelas² itu dan berharap semoga mereka memperolehi kejayaan.

Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan juga berharap dengan

ada-nya langkah dan kejayaan penuntut² kelas tersebut, akan menjadi satu chontoh kepada pemuda-pemudi di-seluruh negeri ini yang ingin bergerak di-lapangan kemajuan.

"Andai kata, kegiatan Awang² dan Dayang² itu adalah merupakan satu perjuangan yang akan membawa penduduk² di-kawasan ini untuk meninggikan pengetahuan dan pelajaran mengenai urusan rumah tangga dan sa-bagai-nya.

(Lihat Muka 4)

Pameran Lukisan Dan Pekerjaan Tangan Sekolah2 Melayu Tutong I

Johan: S.M. Kupang

Naib Johan: S.M. Batang Mitus

TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh telah merasmikan pembukaan Pameran Lukisan dan Pekerjaan Tangan Darjah2 Rendah Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong Satu di-Dewan Kembang Teratai, Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada pagi hari Ahad 19 Jun, 1966.

Sa-banyak 12 buah Sekolah2 Melayu dalam Bahagian Tutong Satu telah mengambil bahagian dalam peraduan lukisan dan pekerjaan tangan itu.

Pameran tersebut di-tempatkan di-dua buah bangunan, iaitu bangunan2 baru dan lama Sekolah Melayu Muda Hashim.

Majlis pembukaan rasmi pameran tersebut di-mulai pada jam 10.30 pagi. Ramai para jemputan, Guru2 dan murid2 sekolah telah hadir di-majlis tersebut.

Sa-belum Pengiran Othman di-jemput untuk memberi ucapan dan merasmikan pembukaan pameran tersebut satu ucapan telah di-lafadzkan oleh Pengerusi Pameran, Chegu Ludin bin Hashim, Guru Besar Sekolah Melayu Muda Hashim.

Kemudian Chegu Awang Mohamed Daud bin Serudin, Pemangku Ketua Nadzir Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, telah berucap bagi pihak Jabatan Pelajaran Negeri Brunei.

Sa-lepas Pengiran Othman merasmikan pembukaan pameran tersebut, beliau dan para hadirin telah di-jemput menyaksikan pameran tersebut.

Sa-lepas itu telah di-adakan Majlis Menyampaikan hadiah di-Dewan Kembang Teratai. Majlis itu di-mulai dengan ucapan oleh Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong Satu, Chegu Shahbudin bin Saleh.

Pengiran Siti Zubaidah binte Pengiran Shahbandar Anak Hashim, ia-itu isteri Pengiran Othman, Pegawai Daerah Tutong, telah menyampaikan hadiah2 kepada Pemenang2 dan juga kepada semua sekolah yang mengambil bahagian dalam pameran tersebut.

KEPUTUSAN

Keputusan peraduan lukisan dan pekerjaan tangan tersebut ada-lah seperti berikut:

Pertama — Sekolah Melayu Kupang. Kedua — Sekolah Melayu Batang Mitus. Ketiga — Sekolah Melayu Lamunin.

Ke-empat — Sekolah Melayu Muda Hashim. Kelima — Sekolah Melayu Penanjong. Keenam — Sekolah Melayu Sinaut.

Ketujuh — Sekolah Melayu Bakiau. Kedelapan — Sekolah Melayu Keriam. Kesembilan — Sekolah Melayu Birau.

Kesepuluh — Sekolah Melayu Kiudang. Kesebelas — Sekolah Melayu Bukit Panggal dan Kedua belas — Sekolah Melayu Kampong Menengah.

Majlis telah bersurai sa-lepas di-adakan jamuan ringan.

Pameran itu telah di-buka kepada orang ramai mulai jam 1.30 petang hingga ka-jam 5 petang hari tersebut.

Pegawai2 Baru Persatuan Pengakap Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Awang C. N. C. Haslam telah dilantik sa-mula menjadi Yang Dipertua, Persatuan Pengakap Daerah Belait dalam Mashuarat Agong Tahunan Persatuan Pengakap tersebut baru2 ini.

Pegawai2 baru yang lain yang telah di-lantik dalam Mashuarat tersebut ada-lah seperti berikut:

PENGERUSI — Awang J. F. Heath. **NAIB PENERUSI** — Awang Abdul Samad Haji Johari.

SETIA USAHA KEHORMAT



Pengiran Siti Zubaidah binte Pengiran Shahbandar Anak Hashim, Isteri Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh, Pegawai Daerah Tutong kelihatan menyampaikan hadiah kepada Wakil Sekolah Melayu Kupang yang telah menjadi Johan dalam Peraduan Lukisan dan Pekerjaan Tangan Darjah2 Rendah Sekolah2 Melayu Tutong I di-Dewan Kembang Teratai, Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada hari Ahad 19 Jun, 1966.

Pengembara Bangsa Jerman Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang pengembara muda bangsa Jerman, bernama Awang Wilfred Irman, berumur 28 tahun dari Cologne, Jerman Barat telah melawat ka-Negeri

Brunei baru2 ini dalam bidang pengembaraan-nya mengelilingi dunia.

Awang Irman telah meninggalkan negeri-nya pada 5 Disember, 1961 dan semenjak masa itu telah mengembara ka-lebih daripada 40 buah negeri.

Ia berkata bahawa untuk mendapatkan wang bagi membiayai perbelanjaan-nya mengelilingi dunia, ia telah membuat sebarang pekerjaan.

Bagaimana pun, kata-nya, oleh kerana pada masa ini ia maseh ada sedikit wang lagi untuk meneruskan perjalanannya balek ka-Negeri Jerman, maka ia tidak-lah payah membuat kerja lagi untuk membiayai perbelanjaan-nya itu.

Ia berharap akan dapat menulis tentang lawatan-nya ka-Negeri Brunei dalam sa-buah buku pada masa ia balek ka-Tanah Ayer-nya kelak.

Pencharagam Pulis Diraja Brunei serta Pencharagam Serunai dan Tambor Gurkha Rifles Baginda Queen kelihatan pada masa mereka mengambil bahagian di-temasha Perbarisan bagi menyambut Hari Jadi D.Y.M.M. Baginda Queen Elizabeth II di-Bandar Brunei pada hari Sabtu 11 Jun, 1966.



PERARAKAN MENYAMBUT MAULUD NABI DI-DAERAH BELAIT

KUALA BELAIT. — Satu Perarakan Berjalan Kaki bagi menyambut Hari Maulud Nabi Mohamed s.a.w., di-Daerah Belait pada tahun ini akan di-adakan di-Pekan Kuala Belait pada petang hari Sabtu 9 Julai.

Perarakan tersebut akan di-mulai pada jam 4 petang dari kawasan Masjid Mohamed Jemalul Alam, Kuala Belait dan berakhir di-Padang Besar, Pekan Belait.

Perarakan tersebut ada-lah di-bahagikan kepada 5 bahagian, ia-itu seperti berikut:

1. Pasokan Pejabat2 Kerajaan/Sharikat2 Perniagaan termasuk Pulis.
2. Pasokan Murid2 Sekolah Lelaki, termasuk Maktab.
3. Pasokan Murid2 Sekolah Perempuan, termasuk Maktab.
4. Pasokan Orang2 Kampung, termasuk Kelas2 Dewasa Ugama Perempuan.
5. Pasokan Orang2 Kampung, termasuk Kelas2 Dewasa Ugama Lelaki.

Sharat2 mengambil bahagian dalam perarakan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

1. PASOKAN2 PEJABAT2 KERAJAAN / SHARIKAT2 PERNIAGAAN/ ORANG2 KAMPONG TERMASOK KELAS2 DEWASA UGAMA LELAKI DAN PEREMPUAN.

- a. Di-sertai tidak kurang 20 orang ka-atas.
- b. Mempunyai Chogan Kata yang bertulis dengan Bahasa Kebangsaan atau di-ambil daripada Ayat2 Koran dan Hadith dengan tulisan Jawi atau Rumi. Ukorannya ia-lah 6 kaki panjang, 3 kaki lebar dan 8 kaki tinggi. Lukisan perhiasan di-keiling Chogan Kata akan di-tambah merkahnya di-dalam merkah Chogan Kata.

- c. Ayat2 Chogan Kata hendak-lah mengenai Sambutan Maulud sahaja.
- d. Tiap2 pasokan di-bolehkan membawa Chogan Kata tiada lebih daripada 2 sahaja.

2. PASOKAN MURID2 SEKOLAH LELAKI/PEREMPUAN (TERMASOK MAKTAB2):

- a. Di-sertai tidak kurang 40 orang ka-atas.
- b. Sharat2 sa-terus-nya adalah sama seperti sharat2 bahagian Pasokan Pejabat2 Kerajaan/Sharikat2 Perniagaan dan Orang2 Kampung.

TEGAHAN: Pasokan2 yang akan mengambil bahagian dalam perarakan tersebut ada-lah

di-malumkan bahawa tidak di-benarkan dalam Chogan Kata atau Lukisan, perhiasan yang berupa patong2 atau gambar2 orang atau gambar2 rumah berhala dan yang menyalahi dari tujuan Sambutan Maulud.

SUDUT2 PENGHAKIMAN DALAM PERARAKAN: 1. Bachaan Salawat. 2. Chogan Kata dan Kechantekan Lukisan di-sekeliling. 3. Pakaian dan 4. Chara Berjalan.

BORANG2 MEMASOKI PERARAKAN: Borang2 itu boleh-lah di-dapati daripada:

(a) Awang Mahalee bin Haji Abdullah, Setia Usaha Sambutan Maulud Nabi Mohamed, Daerah Belait d/a Pejabat Ugama, Kuala Belait atau pun daripada

(b) Awang Abdul Aziz bin Malim, Pejabat Penerangan, Sharikat Minyak Shell, Seria.

Segala permohonan untuk mengambil bahagian dalam perarakan tersebut akan di-tutup pada jam 4 petang 30 Jun, 1966.

PERINGATAN: Tiap2 pasokan ada-lah di-kehendaki bersedia dengan barisan masing2 di-kawasan Masjid Mohamed Jemalul Alam, Kuala Belait tidak lewat dari jam 3 petang hari Sabtu 9 Julai, 1966.

Lord Shackleton Mengadap D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Menteri Pertahanan untuk Angkatan Udara Diraja British, Lord Shackleton telah melawat ka-Negeri Brunei pada hari Selasa 14 Jun, 1966 dalam bidang lawatan beliau ka-beberapa buah negara.

Beliau telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di-Istana Darul Hana pada pagi hari tersebut, dengan di-iringi oleh Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber.

Kemudian Lord Shackleton telah melawat ka-Masjid Omar Ali Saifuddin dan Kampung Ayer.

Sa-lepas itu beliau pun berangkat ka-Labuan dalam perjalanan-nya ka-Hong Kong.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 22 Jun, hingga ka-hari Selasa 28 Jun, 1966, ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
22	12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-09
23	12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-09
24	12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-09
25	12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-09
26	12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53	6-10
27	12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53	6-10
28	12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53	6-10

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Numata Menang Pertandingan Tinju Kejohanan Tenggara Asia

TOKYO.—Johan Tinju Tenggara Asia, Bahagian "Junior Light Weight", Yoshiaki Numata dari Negeri Jepun telah memperolehi gelaran sebagai Johan Tinju Tenggara Asia Bahagian "Light Weight" pada tahun ini.

Dalam pertandingan tinju tersebut, Numata telah mengalahkan Johan Tinju Sa-Dunia Bahagian "Junior Light Weight", Elorde dari Philipina, dengan hitungan mata.

Perlawanan tinju itu telah di-adakan di-Dewan Universiti Nihon sa-banyak 12 pusingan baru2 ini.

Pameran Lukisan di-Bangunan P.G.G.M.B.



Awang Stephen Eng, sa-orang pelukis muda dari Kuching, Sarawak telah mengadakan satu Pameran Lukisan Batek di-Dewan Bangunan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei selama tiga hari mulai pada hari Juma'at hingga ka-hari Ahad yang lalu.

Kebanyakan daripada lukisan-nya itu pemandangan2 Borneo, antara-nya pemandangan2 Negeri Brunei, seperti Masjid Omar Ali Saifuddin dan Kampung Ayer.

Dalam gambar ini kelihatan sa-orang pelawat sedang menyaksikan sa-buah lukisan tersebut. Di-tengah ia-lah pelukis muda itu dan di-kanan ia-lah emak-nya.

Lidah Pengarang

BALAI2 RAYA MEMBERI MUNAFA'AT KAPADA PENDUDOK2 KAMPONG

PENDUDOK2 di-Kampung Sungai Teraban, Kuala Belait telah bergembira pada hari Khamis yang lalu, kerana pada hari itu-lah sa-buah Balai Raya telah dibuka dengan rasmi-nya di-kampung mereka oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Dengan tertuboh-nya Balai Raya tersebut, maka bertambah-lah sa-buah lagi Balai Raya di-negeri ini.

Kerajaan telah pun membangunkan beberapa buah Balai2 Raya di-Negeri Brunei untuk memberi kesenangan kepada penduduk2 di-kampung2 yang berkenaan bagi mengadakan mashuarat dan sebagainya untuk kebajikan kampung mereka.

Dalam ucapan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof sa-belum beliau merasmikan pembukaan Balai Raya Kampung Sungai Teraban pada pagi hari Khamis yang lalu, beliau telah menegaskan bahawa ada-lah menjadi chita2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan supaya seluroh lapisan ra'ayat negeri ini sentiasa hidup, rukun dan damai dan menyelesaikan sa-suatu perkara yang rumit dengan melalui perundingan.

Balai2 Raya itu telah di-dirikan oleh Kerajaan dengan bertujuan untuk memberi kemudahan kepada penduduk2 kampung bagi mengadakan perjumpaan2 kebajikan, kata beliau.

Dalam minggu ini dua buah lagi Balai2 Raya dirasmikan pembukaan-nya. Balai2 Raya itu ia-lah di-Mukim2 Sukang dan Melilas di-Ulu Belait.

Maka dengan tertuboh-nya Balai2 Raya itu, maka sudah delapan buah Balai Raya di-Luar Bandar, Daerah Belait yang di-ranchangkan telah terlaksana pembenaan-nya. Demikian menurut kata Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, pada masa beliau beruchap di-majlis pembukaan rasmi Balai Raya Kampung Sungai Teraban.

Pengiran Momin juga, dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, berkata bahawa Balai Raya itu juga akan menjadi Pusat Amal Kebajikan di-kawasan Kampung Sungai Teraban itu, kerana itu-lah satu langkah yang baik dan dengan itu juga terkabol-lah maksud dan chita2 anak2 kampung tersebut.

Ada-lah di-harapkan bahawa bukan sahaja penduduk2 di-Kampung Sungai Teraban, bahkan penduduk2 dari lain2 kampung di-mana Balai Raya dibangun, akan mengambil peluang yang ke-emasan yang di-berikan oleh Kerajaan dengan membangunkan Balai2 Raya untuk faedah mereka sa-tiap masa.

Wakil2 Jabatan S.R.P.B. Ka-Temasha Sokan Borneo

BANDAR BRUNEI. — Empat orang Wakil dari Jabatan Siaran Radio dan Penerangan Brunei akan berlepas ka-Jesselton dengan kapal terbang esok untuk mengambil berita, merakam dan mengambil gambar di-temasha SOKAN BORNEO yang akan berlangsung di-sana pada hari Juma'at 24 Jun dan hari Sabtu 25 Jun.

Rombongan tersebut akan mengandungi Pegawai Akhbar, Awang Mustapha bin Yusof, Pengelola Ranchangan Bahagian Melayu, Radio Brunei, Awang Abu Bakar bin Ahmad; Pengelola Ranchangan Bahagian Tiong Hua, Awang Leong Cheong Piew dan Jurugambar, Awangku Kamaluddin bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Klub Rotary Menghadihkan Talipon Untuk Memanggil Kereta2 Sewa

BANDAR BRUNEI. — Klub Rotary Antara Bangsa, Bandar Brunei telah menghadihkan satu talipon untuk kegunaan orang ramai bagi memanggil kereta2 sewa dari Bandar Brunei. Peti talipon itu telah di-pasang oleh anggota2 Jabatan Talikom baru2 ini di-satu tiang di-kawasan Perhentian Kereta2 Sewa, ia-itu berhada-pan Pasar Besar, Bandar Brunei.

Orang ramai yang hendak memanggil kereta2 sewa itu boleh-lah memusing nombor 214. Kemudian sa-orang pemandu kereta akan menjawab-nya. Talipon itu hanya boleh di-gunakan dari tempat perhentian kereta2 sewa itu untuk membuat perhubungan dengan pehak Polis, atau memanggil kereta sakit dari Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei atau pun untuk memanggil kereta bomba jikalau berlaku kebakaran, dengan memusing nombor '0'. Kemudian minta operator talipon menyambungkan-nya dengan pehak yang berkenaan.

Talipon itu telah di-serahkan oleh Klub Rotary Antara Bangsa, Bandar Brunei kepada Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar pada petang hari Khamis yang lalu. Beberapa orang Pegawai2 Klub Rotary itu telah beruchap di-majlis tersebut, ia-itu Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed; Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin dan Doktor J. S. Gould.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar telah mengucapkan berbanyak2 terima kasih kepada Klub Rotary Antara Bangsa itu terhadap hadiah-nya serta juga kepada Jabatan Talikom; Jabatan Kerja Raya dan lain2-nya terhadap pekerjaan masing2. Awang Abdul Ghapar bin Abdul Hai telah beruchap bagi pehak pemandu2 kereta sewa.

Gambar ini di-ambil di-majlis tersebut. Dalam gambar ini kelihatan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, sa-orang Pegawai Klub Rotary Antara Bangsa, Bandar Brunei beruchap di-majlis tersebut.



Pembukaan Rasmi Kelas Dewasa Dan Urusan Rumah Tangga

(Dari Muka 1)

Sa-lain dari itu, perlu juga saya memberi sedikit ingatan kepada pelajar2 sekalian-nya, yang mana Awang2 dan Dayang2 hendak-lah mempunyai SEMANGAT yang sa-mestinya menchapai kejayaan di-lapangan Urusan Rumah Tangga, kerana kita perchaya jika rumah tangga yang sentiasa teratur itu, ada-lah menjokkan keadaan dan fikiran kita yang sehat," kata beliau.

Tua Atau Muda Mesti-lah Berpelajaran

Selanjut-nya beliau menegaskan, "Kita sekarang telah menghadapi dunia yang serba moden. Oleh itu, kita tidak mahu ketinggalan atau mengira peringkat dan jenis orang-nya, baik tua atau muda, adal-ah hendak-nya kita mesti berpengetahuan dan berpelajaran.

Kita telah mengetahui dengan ada-nya pengetahuan dan

pelajaran di-samping sa-sa-orang itu sudah tentu dia merasa bahagia. Oleh itu, saya berseru kepada Awang2 dan Dayang2, tuntut-lah Ilmu Pengetahuan dan Pelajaran di-mana sahaja kita bersua-nya baik di-bandar atau pun di-desa.

Terlebeh dahulu ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Pengerusi Majlis, Awang Morshidi bin Haji Md. Salleh; Yang Dipertua Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan, Awang Md. Yassin bin Awang Said; Penyusun Pelajaran Kelas Dewasa Negeri Brunei, Awang Umar bin Muhamad; Yang Dipertua Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin P. U. K. Awang Haji Umar dan oleh Dayang Zahrah binte Haji Idris, selaku Wakil Pegawai Kebajikan Masharakat Negara Brunei, Awang H. M. Salleh.

Pembukaan Balai Raya Sungai Teraban

(Dari Muka 1)

di-satip tuboh badan ra'ayat negeri ini, maka sudah barang tentu segala ranchangan2 yang di-jalankan oleh Kerajaan sentiasa menghadapi kejayaan.

Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail menyatakan di-majlis tersebut bahawa dengan terdiri-nya Balai Raya itu, maka sudah 8 buah Balai Raya yang di-ranchangkan telah terlaksana pembenaan-nya.

Kata-nya, pada minggu ini sabanyak 2 buah Balai Raya lagi di-rasmikan pembukaannya, yang masing2 bertempat di-Mukim2 Sukang dan Melilas di-Ulu Belait.

"Balai Raya ini ada-lah satu2-nya tempat bagi membolehkan penduduk2 di-kampung ini berkumpul untuk mengadakan berbagai2 perundingan, usaha dan kerja2 yang munafa'at serta berfaedah kepada anak2 kampung sendiri.

Balai Raya ini juga akan menjadi PUSAT AMAL KEBAJIKAN di-kawasan ini. Ini

ada-lah satu langkah yang baik dan dengan ini juga terkabol-lah maksud dan chita2 anak2 kampung di-sini," kata Pengiran Momin.

Bagi mengambil sempena hari yang mulia itu, Pengiran Momin berkata, "Ingin saya menyatakan ia-itu bagi Kampung Teraban ini, bukan sahaja Balai Raya yang telah dapat Kerajaan adakan, bahkan kemudahan2 seperti saloran ayer, lampu letrik, gas dan jalan2 kechil serta jambatan2 telah pun di-berikan di-kampung ini.

Oleh yang sedemikian, patutlah di-sedari bahawa dengan ada-nya kemudahan2 ini, sudah terbukti nyata bahawa Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda ada-lah sentiasa mengambil berat dan bersedia memberi sa-barang kemudahan2 yang perlu, bantuan dan pimpinan yang sesuai, demi meninggikan taraf dan kesejahteraan ra'ayat dan penduduk di-seluruh negeri kita yang di-kasehi ini.



Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim kelihatan dalam gambar ini menanamkan pohon kelapa yang kechil di-majlis pembukaan rasmi Balai Raya Sungai Teraban pada hari Khamis yang lalu.

Saya bagi pehak Kerajaan yang bertanggung jawab di-Daerah ini memang menyedari akan tugas dan tanggung jawab yang di-pikulkan kapada saya.

Saya berharap kapada tuan2 dan puan2 sa-bagai ra'ayat dan penduduk yang ta'at setia dan bertanggung jawab, hendaklah menumpukan keperchayaan kapada usaha2 yang di-buat oleh Kerajaan dan saya berseru kapada tuan2 dan puan2 untuk memberikan kerjasama dalam bidang2 usaha yang di-khaskan kapada kita.

Kewajipan ra'ayat dan penduduk2 dalam negeri ini seluruh-nya patutlah menulong bagi menjayakan maksud Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda yang memang berchita2 hendak meninggikan taraf hidup, memberi kesenangan dan kemudahan2 yang perlu serta sesuai untuk kebahagiaan dan kema'amoran serta keamanan Negeri Brunei Darus Salam ini."

TERIMA KASEH

Ketika mengakhiri ucapan beliau di-majlis itu, Pengiran Momin telah mengucapkan terima kaseh yang tidak terhingga kapada Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim atas kesudian beliau merasmikan pembukaan Balai Raya, Sungai Teraban itu.

Beliau juga telah mengucapkan terima kaseh kapada Penulong Menteri Kebajikan Masharakat dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang atas kesudian beliau beruchap di-majlis tersebut.

Anggota2 Persatuan "TIBA" Bekerja Sa-Chara Sukarela

Persatuan Tiga Kampung Bersatu (TIBA), Kampung Selambigar, Jalan Muara telah melaksanakan satu daripada projek2-nya baru2 ini ia-itu memperbaiki dan membersehhkan sungai2 dan parit2 di-kawasan kampung2 tersebut.

Dalam gambar ini kelihatan beberapa orang ahli2 Persatuan TIBA itu sedang menjalankan pekerjaan tersebut dengan sa-chara bergotong royong. — Gambar kiriman Awang Gharib bin Samad, Setia Usaha, Persatuan TIBA.



Mandi Safar

Beratus2 orang Umat Islam telah mengunjongi ka-pantai2 peranginan di-Negeri Brunei pada hari Rabu yang lalu untuk Bermandi Safar. Dalam gambar ini kelihatan di-antara Umat Islam yang Bermandi Safar di-Pantai Muara pada hari tersebut.



JAWATAN - JAWATAN KOSONG:

Amah Di-Jabatan Perubatan Dan Kesehatan Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 Amah di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Hanya chalon2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau berhak menjadi ra'ayat boleh di-pertimbangkan untuk berjawatan tetap.

Mereka mesti-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun dan boleh berbahasa Melayu.

Chalon2 yang lain akan di-pertimbangkan untuk berkhidmat sechara sa-bulan ka-sa-bulan.

Chalon2 ini semolek2-nya hendak-lah mempunyai pengalaman bekerja sebagai amah di-Rumah Sakit.

Umur mereka mesti-lah tidak lebih dari 40 tahun melainkan mereka pernah berkhidmat se-

bagai amah selama beberapa tahun.

Gaji:

Dalam sukatan F 2—3 EB 4 \$180 x 5-220/EB/225 x 5-240.

Tugas2:

Chalon2 yang di-pilih akan di-tempatkan di-Rumah Sakit Kerajaan, Gudang2 Ubat, Klinik2 Kesehatan dan di-Asrama Jururawat. Pemohon2 mesti-lah berse-sedia bertugas pada siang hari atau pun malam dan bekerja di-mana2 daerah dalam Negeri ini.

Permohonan2 yang mesti di-penuhi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 7 Julai, 1966.

Penyelenggara Setor Di-Pejabat Perubatan Dan Kesehatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi 6 jawatan kosong sebagai Penyelenggara Setor Tingkat II di-Pejabat Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Sa-tengah daripada jawatan ini ia-lah untuk Jabatan Steward dan yang lain-nya ia-lah di-Setor Perubatan.

Kelayakan2:

Chalon2 untuk lantikan mesti-lah sudah mencapai

umur 17 tahun dan mesti-lah juga lulus sekurang2-nya Form III Sekolah Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan D 2 EB 3 \$270 x 15-360/EB/380 x 20-480.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat 29 Jun, 1966.

Pemandu Kereta di-Pejabat Daerah dan Tanah Belait

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pemandu Kereta Tingkat II di-Pejabat Daerah dan Tanah, Belait.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 3 \$200x5-220.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 tahun dan 45 tahun serta mempunyai lesen memandu yang sah.

Mereka mesti-lah sanggup bekerja di-luar masa pekerjaan biasa dan mahir dengan kenderaan kampong2 di-Daerah Belait.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon yang tahu membaca dan menulis serta memperbaiki kerosakan2 kechil-jentara kereta.

Permohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 29 Jun, 1966.

Kenyataan

Pejabat Tanah Dan Daerah Temburong

BAHAWA ada-lah di-beri tahu kepada sekalian orang ia-itu Dayang Sura binte Akip, Dayang Sara binte Akip dan Dayang Zubaidah binte Akip dari Kampong Menengah, Bangar Temburong, telah meminta hendak menaruhkan nama mereka di-atas sa-keping tanah di-Kampong Sungai Sulok, Temburong, grant-nya nombor 573 lot nombor 423.

Tuan punya tanah itu, Akip bin Bakar telah meninggal dunia dan ketiga2 orang perem-

puan yang tersebut ia-lah anak kepada allah yarham itu.

Barang siapa yang berkenaan dengan kenyataan ini boleh-lah datang ka-Pejabat Tanah Temburong pada atau sa-belum 6 Julai, 1966.

Jikalau lewat daripada tarikh tersebut, tiada di-terima apa2 pengaduan-nya.

Perkara ini akan di-bicarakan di-Pejabat Pegawai Daerah, Temburong pada hari Rabu 13 Julai, 1966 pada jam 10.0 pagi.

PERLUMBAAN BERJALAN KAKI ANJORAN PERSATUAN MELAYU KERIAM TUTONG

KERIAM. — Untuk ketiga kali-nya Persatuan Melayu Keriam Tutong menganjurkan Perlumbaan berjalan kaki sa-jauh 8 batu — Perengkat lelaki dan 4 batu — Perengkat perempuan pada hari Ahad 28 Ogos, 1966 mulai jam 7.30 pagi.

SHARAT2

Perlumbaan Berjalan Kaki itu di-bahagikan kepada:

- Bahagian Persaorangan Lelaki.
 - Dewasa berumur 15 tahun ka-atas.
 - Kanak2 berumur 14 tahun ka-bawah.
- Bahagian Persaorangan Perempuan.
 - Dewasa berumur 14 tahun ka-atas.
 - Kanak2 berumur 13 tahun ka-bawah.
- Berpasokan lelaki (Persatuan/Pertubuhan/Sekolah).

Bahagian (a) dan (b) akan di-kenakan bayaran pendaftaran masuk sa-banyak \$1.00 tiap2 sa-orang. Bahagian ini terbuka kepada seluruh peminat Sokan di-Negeri Brunei.

Bahagian (c) Berpasokan terdiri hanya 6 orang sahaja. Tiap2 satu pasokan akan dikenakan bayaran pendaftaran masuk sa-banyak \$5.00 Tiap2 Persatuan / Pertubuhan / Sekolah boleh membentok sa-besarnya banyak pasokan yang disukai. Bahagian ini **HANYA** terbuka kepada Persatuan/Pertubuhan/Sekolah di-Daerah Tutong sahaja.

Borang2 permohonan boleh-lah di-dapati daripada:—

Daerah Brunei: 1. Awang Junaidi OKSN. Safar, Pegawai Luar Siaran Radio; 2. Awang Alidin bin Kura, Jabatan Siaran Radio; 3. Awang Ahmad bin Mun-chong, Dewan Bahasa Dan

Pustaka; 4. Awang Jait bin Hitam, Junior Health Inspector; 5. Che'gu Idris bin Tahir, S.M. Sengkurong.

Daerah Tutong: 1. Awang Md. Noor bin A. Besar, Pejabat Daerah, Tutong; 2. Che'gu Abd. Kani bin Said, S.M. Muda Hashim; 3. Che'gu Yahya bin Pisi, S.M. Sinaut, dan Bilek Bachaan.

Seria: 1. Awang Ahmad Shah bin Abd. Rahman, Maktab Anthony Abell.

Kuala Belait: 1. Awang Sulaiman bin Abd. Rahman, Pejabat Tanah; 2. Awang Ahmad bin Hitam, Pejabat Bandaran.

Untuk sa-lanjut boleh-lah berhubung dengan Setia Usaha Perlumbaan Awang Ajmain bin Jais.

Borang2 hendak-lah di-kembalikan kepada nama2 di-atas atau terus kepada Setia Usaha Perlumbaan Che'gu Ajmain bin Jais, tidak lewat pada 20 Julai, 1966.

PASAR

PERDAGANGAN ASIA

BANGKOK. — Sa-jumlah 35 buah negeri2 akan mengambil bahagian dalam Pasar Perdagangan Asia kali yang pertama di-Bangkok, Thailand mulai daripada 17 November hingga ka-10 Disember tahun ini.

Pengumuman tersebut telah di-buat oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Thailand, Sunthorn Hongladarom.

Negeri2 yang akan mengambil bahagian dalam temasha Pasar Perdagangan itu, kata Menteri Hal Ehwal Ekonomi Thailand itu, ada-lah mengan-dongi 17 buah negeri, dari Asia, 14 buah negeri dari Eropah, 2 buah negeri dari Afrika dan 2 buah negeri dari Amerika Utara.

*Gunakan-lah
Bahasa Melayu*

SOKAN BORNEO DI-JESSELTON:

30 Orang Peserta2 Di-Pileh Mewakili Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Seramai 35 orang, mengandungi 5 orang Pegawai2 dan 30 orang peserta2 akan mewakili Negeri Brunei di-temasha SOKAN BORNEO yang akan di-langsungkan di-Jesselton, Sabah pada 24 dan 25 Jun, 1966.

Rombongan perwakilan dari negeri ini ka-temasha sokan tersebut akan di-ketuai oleh Naib Yang Dipertua, Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei, Awang Abdi Manaf bin P. H. A. Bakar.

Empat orang lagi Pegawai2 tersebut ada-lah saperti berikut:

Awang Md. Hussain bin Zainal dan Pengiran Ibrahim bin Pengiran Damit akan bertugas sa-bagai Pengurus2 Pasokan. Awang Eli Bantigo—Jurulateh dan Awang M. V. Singham, Setia Usaha, Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei.

Peserta2 yang telah di-pileh oleh Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei untuk mewakili negeri ini ka-temasha Sokan Borneo itu ada-lah mengandungi seramai 18 orang peserta2 lelaki dan 12 orang

peserta2 perempuan.

Peserta2 tersebut ada-lah saperti berikut:

PESERTA2 LELAKI

1. Rahim bin Yusof; 2. Rani bin Metasan; 3. Abdullah bin Mustapha; 4. Ramlee bin Dagong; 5. A. Hamid bin Momin; 6. Sinin bin Metali.
7. Henry Chin Sin Ming; 8. Ibrahim bin Abdul Rahman; 9. Suhaili bin Lani; 10. Chee Kiong Tong; 11. Chung Siew Khoon; 12. Onn bin Timbang.
13. Abdullah bin Zakiah; 14. Boniface Yeo; 15. Lim Soon Hock; 16. A. Sibidol; 17. Razak bin Abdullah dan 18. Salim bin Haji Saleh.

PESERTA2 PEREMPUAN

1. Lim Geok Kheng; 2. Thong Ching Kong; 3. Juliana Chua; 4. Rokiah binte Ismail.
5. Liew Yun Fong; 6. Dayangku Rohani binte Pengiran Tajuddin; 7. Lo Yonn Mei; 8. Zene binte Kadir.
9. Mary Chong; 10. Masni binte Said; 11. Afsah binte Yusof dan 12. Lim Lai Hoh.

Rombongan dari Negeri Brunei ka-temasha Sokan Borneo itu akan berlepas dengan kapal terbang ka-Jesselton pada hari Rabu 22 Jun dan balek ka-Brunei pada hari Ahad 26 Jun.

Perlawanan2 Bola Sepak: Di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Jadual Perlawanan Bola Sepak di-Padang Besar, Bandar Brunei mulai pada hari Rabu 22 Jun hingga ka-hari Selasa 28 Jun, 1966 ada-lah saperti berikut:

Hari Rabu 22 Jun: Sultan Lama "A" melawan Belia Berakas. Penjaga Tepi — Burong Pingai.

Hari Khamis 23 Jun: Burong Pingai melawan Sungai Kebun. Penjaga Tepi — Perakasa.

Hari Juma'at 24 Jun: Perkasa melawan Sultan Lama "B". Penjaga Tepi — Sumbiling "A".

Hari Sabtu 25 Jun: Sumbiling "A" melawan Sukarela Tutong. Penjaga Tepi — Belia Berakas.

Hari Ithnin 27 Jun: Belia Berakas melawan Kubu. Penjaga Tepi — Sungai Kebun.

Hari Selasa 28 Jun: Belia Sengkurong melawan Sultan Lama "A". Penjaga Tepi — Sukarela Tutong.

Perlawanan bola sepak tersebut di-adakan di-bawah anjoran Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei dan di-kelolakan oleh Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling.

Di-Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Jadual Perlawanan Bola Sepak di-Daerah Belait anjoran B.D.A. F.L. bagi pusingan pertama pada 25 dan 28 Jun, 1966 ada-lah saperti berikut:

25 JUN

(a) Dayak Club melawan Sekolah Saint Michael. Padang — Arina. Pengadil — Ibrahim Metusin.

(b) 2/6 Gurkha melawan S.M.C. "B". Padang — K.B.R.C. Pengadil — Kasim Dollah.

(c) Bekas Penuntut Sekolah Saint Michael melawan

J.K.R. "B". Padang — Marina. Pengadil — R. G. Clark.

28 JUN

(a) S.M.C. "A" melawan K.B.R.C. Padang — K.B. R.C. Pengadil — Kaptan Brown.

(b) A.A.C. melawan Panaga. Padang — Arina. Pengadil — R. G. Clark.

(c) Sekolah Saint Michael melawan J.K.R. "A". Padang — Panaga. Pengadil — A. K. M. Salim.

Gambar2 atas dan bawah di-ambil di-temasha SOKAN BRUNEI di-Seria pada 12 Jun, 1966.



Sinin Metali dari Askar Melayu Diraja Brunei di-gambarkan semasa ia mengambil bahagian dalam Lumba Lari Berganti2 4 x 400 meter di-temasha Sokan Brunei di-Seria pada petang hari Ahad 12 Jun. Pasokan A.M. D.B. telah menjadi Johan dalam perlumbaan itu dan berjaya menchiptakan satu rekod yang baru. Sinin juga telah berhasil menchipta satu rekod yang baru dalam Lumba Lari 800 meter.



Kemalangan Yang Sedeh Di-Jalan Tutong

7 Orang Terkorban

Ini-lah satu pemandangan kemalangan yang sedeh di-Batu 12, Jalan Tutong pada tengah hari Ahad 19 Jun, 1966 dengan menyebabkan beberapa jiwa terkorban.



SENGKURONG. — Satu kemalangan yang sedeh dengan menyebabkan 5 orang mati terbakar dan 4 orang lagi cedera parah telah berlaku di-Batu 12, Jalan Tutong pada tengah hari Ahad 19 Jun, 1966.

Kemalangan itu ia-lah diantara sa-buah kereta sewa jenis Vauxhall yang sedang menuju ka-Bandar Brunei dan sa-buah kereta jenis Holden yang dalam perjalanan-nya ka-Kuala Belait.

Kelima2 orang tersebut telah mati dalam kereta Holden itu beberapa minit sa-lepas kereta tersebut terbakar. Tiga orang lagi penumpang ia-itu 2 orang lelaki dewasa dan sa-orang kanak2 yang telah dapat keluar dari kereta itu telah cedera parah.

Sa-orang lagi yang cedera parah ia-lah pemandu kereta Vauxhall.

Orang2 yang cedera itu kemudian-nya telah di-pindahkan ka-Rumah Sakit, Bandar Brunei dalam sa-buah ambulan.

Beberapa orang anggota Perkhidmatan Bomba dari Bandar Brunei yang telah pergi ka-tempat berlaku kemalangan yang sedeh itu telah memadamkan kebakaran tersebut.

Pihak Polis sedang menjalankan penyiasatan.

BERITA TERAKHIR: Menurut berita terakhir sa-belum akhbar ini di-chetak, tujuh orang telah terkorban dalam kemalangan yang sedeh di-Batu 12, Jalan Tutong pada hari Ahad yang lalu.

Mereka ia-lah: Sri Kustina binte Sukibar, sa-orang penyanyi yang terkenal yang di-lahirkan di-Indonesia; Sapiah binte Mansor; Awang Mohamed bin Adol; Chong Nam Hung; Lee Jun Ling; sa-orang bangsa Korea, Kun Su Ryu dan Awang Ahmad bin Bakar, terkenal sa-bagai Ahmad Sireh.

Awang Ahmad telah meninggal dunia pada pagi hari Ithnin. Kun Su Ryu telah mati pada malam hari Ahad dan lima orang lagi telah terkorban beberapa minit sahaja sa-lepas berlaku kemalangan yang sedeh itu.

Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah merasmikan pembukaan Balai Raya Sungai Teraban di-Kuala Belait pada hari Khamis 16 Jun, 1966.

Gambar ini di-ambil di-majlis tersebut. Di-antara-nya kelihatan di-barisan hadapan ia-lah: Bilangan kedua dari kiri — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof; Penulong Menteri Pos dan Kebajikan Masyarakat, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof dan lain2-nya.

BERKHIDMAT-LAH DENGAN A.M.D.B.

Banyak Lagi Pemuda2 Di-Kehendakki

BANDAR BRUNEI.—Ramai pemuda2 telah di-temu duga oleh Pasokan Pengambilan Orang2 Baru, Askar Melayu Diraja Brunei di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada hari Ithnin 20 Jun, 1966.

Sa-orang Juruchakap A.M.D.B. berkata bahawa banyak lagi pemuda2 di-kehendakki untuk berkhidmat dengan Askar Melayu Diraja Brunei.

Umor tiap2 pemohon mestilah di-antara 18 dan 25 tahun dan tinggi-nya tidak kurang dari 5 kaki.

Pemohon2 mestilah ra'ayat Brunei dan berbangsa Melayu serta juga belum berkahwin.

Sukarelawan2 yang berhajat hendak berkhidmat dengan Askar Melayu Diraja Brunei ada-lah di-minta berhubung dengan Pegawai Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei di-Berakas Kem, A.M.D.B., dengan saberapa segera.



Gambar ini di-ambil di-Dewan Bilek Bachaan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Kuala Belait baru2 ini pada masa rombongan pengambilan orang2 baru untuk berkhidmat dengan Askar Melayu Diraja Brunei, bertugas di-sana. Leftenan Muda Kefli bin Razali dari A.M.D.B. kelihatan di-sebelah kiri dalam gambar ini.

